

25 DEC 1999

Khalil-Ombak

ANCAMAN OMBAK BESAR DILAPOR KEPADA J/KUASA BENCANA ALAM

KUANTAN, 25 Dis (Bernama) -- Kejadian ancaman ombak besar berikutan angin kencang dan laut bergelora di beberapa buah kampung di Kuantan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata kejadian hakisan sudah menjadi satu gejala yang berbahaya terutamanya di Pantai Timur memandangkan terdapat banyak perkampungan di tepi pantai dan kuala sungai.

"Selain itu, boleh dikatakan semua kuala sungai di Pantai Timur dihalang pasir, umpamanya di Kuala Pahang, Pekan yang boleh membahayakan perahu yang masuk," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Lebih 180 penduduk dari 26 keluarga di tiga perkampungan nelayan di Beserah di sini dipindahkan ke dewan Majlis Perbandaran Kuantan dan Pusat Perkhidmatan Beserah kerana terdedah kepada pukulan ombak besar.

Kawasan itu ialah Kampung Pasir Garam, Kampung Seberang Chek Leh dan Kampung Pelindung Pantai yang terletak kira-kira 30 meter dari laut.

Beberapa perkampungan lain di pesisiran pantai yang turut menghadapi ancaman ombak besar ialah di Tanjung Pahang (Rompin) dan Kuala Pahang (Pekan).

Khalil, yang juga ahli parlimen Kuantan, malam tadi meninjau ke beberapa buah kampung terbabit.

Sementara itu, beliau menyambut baik etika kerja menteri yang terkandung dalam satu arahan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua menteri pada mesyuarat pertama Kabinet 15 Dis lepas.

Antara lain ia menyenaraikan tanggungjawab menteri dan etika yang mesti dipatuhi oleh setiap menteri, antaranya tidak boleh mempunyai kepentingan dalam peniagaan milik kaum keluarganya dan menjawat sebarang jawatan dalam perniagaan.

"Saya rasa elok kerana sekurang-kurangnya semua menteri tahu apa had yang dia boleh buat. Kalau dia seorang peniaga macam mana dia kena timbangkan perniagaannya dan tidak boleh ambil bahagian secara aktif," katanya.

-- BERNAMA

ROS AKD